

23/08/2000

Umno Sabah mahu penggiliran KM dimansuh

KOTA KINABALU, Selasa - Badan Perhubungan Umno Sabah dan semua 20 bahagian di negeri ini sebulat suara bersetuju mahukan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri dimansuhkan.

Keputusan itu yang diputuskan pada mesyuarat badan perhubungan itu di Tawau Ahad lalu, turut disokong Biro Penerangan negeri, pergerakan Pemuda dan Wanita parti itu.

Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Karim Ghani, berkata pendirian berkenaan akan diserahkan kepada Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pusat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada masa yang sesuai tidak lama lagi.

"Pendirian Umno Sabah ini dibuat berikutan kenyataan Dr Mahathir bahawa sistem penggiliran itu diteruskan kecuali rakyat Sabah sendiri tidak mahukannya.

"Jadi, Umno Sabah berpendapat sistem berkenaan tidak perlu diteruskan dan mana-mana rakyat Sabah yang mempunyai pendirian sama, perlu mengemukakannya kepada Perdana Menteri," katanya pada sidang akhbar di Hotel Jesselton di sini hari ini.

(END)